

Isu-isu Ekonomi Masyarakat Pulau: Kajian Awal di Pulau Sibu dan Pulau Tinggi, Mersing, Johor Darul Takzim

Mohd Nasir Selamat, Mustaffa Omar & Nor Jana Saim

Pusat Pengajian Psikologi & Pembangunan Manusia
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Pengenalan

Sejak lima puluh satu tahun yang lalu, kerajaan berjaya membawa kesejahteraan kepada rakyat, berlandaskan kepada prinsip perkongsian kuasa, mengutamakan kestabilan politik, berpegang kepada kesederhanaan dan mementingkan kemakmuran ekonomi. Sebenarnya, negara Malaysia merupakan antara negara yang paling stabil dan makmur di rantau ini. Kejayaan ini dicapai sungguhpun negara menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran, terutamanya pada tahun 1969, 1972, 1986 dan 1997. Krisis pada tahun-tahun tersebut berjaya di atasi dengan adanya jalan penyelesaian dan jalan keluar yang bersepadu dan spesifik. Hari ini kita berdepan dengan persekitaran harga global yang tinggi dan pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan.

Persekitaran ekonomi dan pasaran kewangan global kini menghadapi cabaran dan perkembangannya yang tidak menentu. Seluruh dunia terpaksa menanggung beban akibat daripada harga minyak yang meningkat tinggi secara mendadak tanpa kawalan yang kemudiannya menyumbang kepada peningkatan harga bahan makanan dan komoditi lainnya. Ketidakstabilan sektor kewangan di Amerika Syarikat khususnya, bukan sahaja mengganggu-gugat pertumbuhan ekonomi di negara tersebut dan Eropah tetapi kesan jauhnya melangkaui rantau Asia yang sebahagian besar makro ekonominya bergantung kepada negara kuasa besar dunia itu. Walaupun aktiviti ekonomi di rantau Asia terutamanya India dan China kekal menggalakkan pertumbuhannya, namun sokongan permintaan domestik di negara-negara tersebut mungkin terjejas sedikit akibat tekanan inflasi. Senario ekonomi ini pastinya mempengaruhi perkembangan ekonomi global dan ekonomi negara kita tidak terkecuali dari tempiasnya.

Keadaan ini diburukkan lagi dengan kehadiran ramai rakyat asing, termasuk pendatang tanpa izin yang turut bertumpu kepada punca rezeki yang sama, terutama perniagaan kecil-kecilan dan kerja-kerja sampingan.

Ironinya, isu ini perlu dilihat dalam skop yang lebih luas merentasi masalah sosial semata-mata, kerana ia melibatkan tanggungjawab bukan hanya kepada pihak kerajaan tetapi meliputi pihak swasta, badan bukan kerajaan (NGO), pemimpin masyarakat dan ahli politik. Sepatutnya kebanyakan entiti ini memperjuangkan gagasan sosioekonomi dan menjuarai permasalahan yang ditimbulkan kesan refleksi daripada isu ini, dengan penegasan khasnya oleh pemimpin politik dan wakil masyarakat. Kita bimbang jika ia gagal mencari jalan penyelesaian segera, lambat laun anak bangsa kita akan merempat di tanah air sendiri.

Justeru itu, satu kajian terperinci dan menyeluruh perlu dilakukan bagi melihat semula garis kedudukan ekonomi dan taraf kemiskinan di bandar dan luar bandar supaya dapat memberi gambaran sebenar yang jelas tentang situasi tersebut terutama di kawasan bandar besar yang adakalanya lebih kritikal berbanding di kawasan kampung atau tanah rancangan. Mereka yang hidup di kawasan tanah rancangan umpamanya memiliki aset atau hartanah yang boleh diwariskan kepada anak cucu mereka sedangkan golongan yang berpendapatan rendah yang hidup di perumahan flat berhadapan dengan masa depan yang kelam terutamanya dalam aspek pemilikan harta dan aset. Begitu juga situasi yang berlaku kepada penduduk di kawasan pulau-pulau kecil. Walaupun memiliki tanah, tetapi dari aspek pembangunan dan kemudahan serta peluang kehidupan yang lebih baik adalah amat terhad, terutamanya bagi mereka yang tinggal di pulau-pulau yang kurang diberikan perhatian.

Pendedahan kepada peluang pekerjaan dan pembangunan ekonomi yang boleh menjamin kehidupan masyarakat pulau seperti melaksanakan aktiviti perniagaan yang berkesan, pengkormesilan hasil pertanian dan laut, penyediaan perkhidmatan pelancongan seperti menjadi pemandu pelancong, penyediaan tempat penginapan pelancong dan seumpamanya kurang diberi perhatian yang wajar dalam usaha menjadikan masyarakat pulau setaraf dengan masyarakat bandar.

Kegiatan dan Aktiviti Ekonomi, Pandangan Masa Hadapan Serta Masalah-masalah Ekonomi Masyarakat Pulau

Kertas kerja ini adalah bertujuan membincangkan isu-isu ekonomi yang berlaku di kawasan pulau-pulau kecil sekitar Daerah Mersing iaitu Pulau Tinggi dan Pulau Sibu. Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk melihat isu-isu ekonomi masyarakat pulau yang dibahagikan kepada beberapa bahagian kajian antaranya adalah untuk mengenal pasti aktiviti ekonomi masyarakat pulau dan mengenal pasti pandangan masyarakat pulau, sejauh manakah aktiviti ekonomi seharian mereka ini mampu untuk memberi jaminan kehidupan di masa akan datang. Di samping itu kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah-masalah ekonomi yang dihadapi oleh masyarakat pulau dan tindakan-tindakan yang wajar diambil untuk mengatasi masalah yang berlaku di sekitar pulau tersebut. Kertas kerja ini turut membincangkan corak dan gaya kehidupan ekonomi masyarakat Pulau Sibu dan Pulau Tinggi khasnya. Diharapkan dapatan kajian ini akan dapat membuka mata pelbagai pihak dalam membantu mengatasi masalah-masalah yang berlaku dan langkah-langkah penambahbaikan diambil segera untuk tujuan kesejahteraan masyarakat pulau.

ISU-ISU EKONOMI MASYARAKAT PULAU: KAJIAN AWAL DI PULAU SIBU DAN PULAU TINGGI,
MERSING, JOHOR DARUL TAKZIM

Hasil daripada pemerhatian dan sesi temu bual yang dijalankan sewaktu lawatan ringkas ke pulau-pulau tersebut, didapati tidak ramai penduduk yang masih menetap di pulau tersebut. Dianggarkan di Pulau Tinggi di Kampung Pasir Panjang pula hanya terdapat lima buah keluarga dan di Kampung Tanjung Balang dianggarkan hampir 16 buah keluarga masih menetap di sini. Walaupun sumber bekalan elektrik dan air mudah diperolehi, namun ramai penduduk pulau telah mengambil keputusan untuk berhijrah ke bandar dengan alasan tersendiri. Berbanding dengan Pulau Sibul yang masih ramai penduduk dan boleh dianggarkan dalam lingkungan 30 buah keluarga di mana persekitaran hidup mereka seperti di kampung-kampung berdekatan pesisir pantai. Ini kerana di Pulau Sibul, terdapat beberapa kemudahan asas seperti, sekolah rendah, surau, pusat kesihatan, balai polis, kedai runcit dan seumpamanya.



(a)



(b)



FOTO (a), (b) dan (c): Gambaran Sekitar Pulau Sibul dan Pulau Tinggi
Bersama Penduduk Pulau dalam Menjalankan Aktiviti Harian Mereka

PENYELIDIKAN PANTAI TIMUR JOHOR: MERSING WARISAN TERPELIHARA

Kegiatan ekonomi utama penduduk di kedua-dua pulau tersebut adalah menangkap hasil lautan. Walaupun penguatkuasaan Taman Laut Malaysia yang diperuntukkan di bawah Seksyen 41-45 Akta Perikanan 1985 di mana larangan terhadap penangkapan hasil lautan diharamkan, namun oleh kerana desakan hidup dan ketidakmampuan masyarakat pulau untuk memiliki bot-bot besar bagi mendapatkan hasil tangkapan di perairan laut dalam, masyarakat pulau masih lagi menjalankan aktiviti menangkap hasil lautan secara senyap di perairan pantai demi untuk mendapatkan pendapatan lebih untuk menampung perbelanjaan harian keluarga.

Sekiranya hasil tangkapan adalah memberangsangkan, mereka akan menjual kepada peraih untuk dijual ke bandar dan sekiranya hasil tangkapan tidak memuaskan, hasilnya akan digunakan sendiri untuk memenuhi tuntutan keperluan keluarga dan isi rumah.

Taman Negara Johor Kepulauan Mersing juga telah menetapkan beberapa aktiviti yang tidak boleh dilaksanakan di bawah seksyen 29-Enakmen Perbadanan Taman Negara Johor 1989. Antara aktiviti adalah seperti berikut:

- Memasuki kawasan Taman tanpa kebenaran
- Memburu, membunuh, mencederakan, menangkap atau mengganggu hidupan liar.
- Memindahkan atau mengambil apa-apa objek bahan galian, tumbuh-tumbuhan atau binatang.
- Memusnahkan atau merosakkan apa-apa tumbuh-tumbuhan atau benda-benda lain.
- Membawa senjata, bahan letupan, perangkap atau jerat, jentera, bahan beracun atau barangan merbahaya.
- Membina apa-apa bangunan dalam kawasan Taman.



Papan Tanda Larangan-larangan Taman Negara Johor

Kegiatan penternakan juga dilakukan oleh masyarakat pulau. Antaranya termasuklah lembu, kambing dan ayam yang mendapat permintaan dan perhatian masyarakat pulau. Dapatan menunjukkan masyarakat pulau selesa dengan haiwan peliharaan mereka kerana tiada penekanan diberikan terhadap tatacara pemeliharaan. Ini bermaksud, haiwan ternakan bebas berkeliaran di sekitar kawasan kampung di pulau. Haiwan seperti lembu bebas berkeliaran terutamanya di Pulau Sibu tanpa ada pemilik yang sah, namun haiwan-haiwan tersebut tidak mengganggu penduduk tempatan malah memberikan kebaikan dengan menjadikan keadaan sekitar kampung lapang tanpa rumput yang panjang.

Selain itu, dapatan juga menunjukkan ada sebahagian masyarakat pulau ini mengambil upah kerja-kerja membina dan mengecat rumah. Kebiasaan tenaga muda akan bersamasama untuk merancang membina rumah sama ada di kawasan perkampungan pulau atau di pesisir pantai Mersing sekiranya mendapat tempahan. Ketua kampung memainkan peranan penting dalam pengagihan kerja-kerja tersebut kerana tempahan akan dibuat melalui ketua kampung sahaja. Oleh itu, ketua kampung akan menentukan jumlah individu diperlukan untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut. Peranan pemimpin sebagai ketua kampung dilaksanakan dengan sebaik mungkin bagi memastikan semua penduduk pulau mendapat faedah yang sama rata dalam usaha mereka menjalani kehidupan seharian.

Dapatan kajian juga mendapati golongan wanita turut terlibat dalam aktiviti ekonomi dalam menjana pendapatan harian keluarga di mana mereka akan turut serta dalam aktiviti mengambil upah mengecat rumah. Kerja-kerja ini juga bergantung kepada kuasa ketua kampung. Selain itu, aktiviti bercucuk tanam secara kecil-kecilan juga dilakukan oleh kaum wanita masyarakat pulau. Ini bertujuan sebagai pelengkap kepada keperluan harian masyarakat pulau umumnya dan khasnya kepada keluarga tersebut. Sayur-sayuran akan digunakan untuk keperluan harian keluarga memandangkan mereka sukar mendapatkan bekalan sayuran segar daripada luar.

Selain itu, terdapat beberapa keluarga menjalankan aktiviti berniaga secara kecil-kecilan seperti menyediakan perkhidmatan penginapan dan pengangkutan kepada para pelancong dan pengunjung pulau, membuka kedai runcit dan kedai makan. Kumpulan sasaran pelanggan adalah tertumpu kepada masyarakat pulau itu sendiri dan adakalanya kepada pengunjung-pengunjung di pulau tersebut. Dapatan di Pulau Tinggi di Kampung Pasir Panjang menunjukkan kedai atau bangunan yang digunakan untuk berniaga adalah hak milik sendiri dan kedai runcit adalah hak milik Majlis Perbandaran Mersing, di mana bayaran sewa dikenakan sebanyak RM50.00 sebulan. Melalui temu bual yang dibuat bersama pemilik kedai, pendapatan dianggarkan tidak mencecah RM50 sebulan. Ini berikutan tiada pelanggan yang datang secara tetap dan berulang. Oleh itu, pemilik kedai mengambil keputusan untuk menjadikan kedai tersebut sebagai tempat kediaman (rumah kedai) di mana mereka menginap di situ di samping menjalankan aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan.

Hasil kajian juga menunjukkan terdapat penduduk pulau yang boleh dikategorikan keadaan sosioekonominya sebagai miskin tegar. Pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji mendapati, golongan ini tidak mempunyai sumber pendapatan tetap dan hanya bergantung kepada ihsan masyarakat setempat selain dari bergantung kepada sumber semula jadi di kawasan sekitar seperti hasil cucuk tanam dan ternakan. Hal ini berikutan

golongan ini enggan untuk berpindah ke bandar untuk tinggal bersama dengan anak-anak dalam keadaan persekitaran yang lebih baik. Ada juga penduduk yang tinggal sebatang kara bersama 2 orang anaknya yang masih bersekolah. Akibat tekanan hidup dan kemiskinan melampau, mereka terpaksa mengambil keputusan untuk memberhentikan persekolahan anaknya disebabkan kos pembelajaran dan persekolahan yang tinggi. Lantaran itu, golongan ini seolah-olah tersisih dan tidak diberi perhatian sewajarnya walaupun kerap kali aduan dikemukakan kepada pihak bertanggungjawab.

Namun, masih ada yang mendakwa bahawa pihak kerajaan tidak pernah mengabaikan golongan miskin. Kesukaran yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah, berikutan daripada kenaikan kos sara hidup, amat difahami oleh pihak kerajaan. Menyedari hakikat ini, kerajaan menaikkan tahap kelayakan pendapatan isi rumah bagi pemberian bantuan kebajikan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kelayakan pendapatan isi rumah kini ditingkatkan daripada RM400 sebulan kepada RM720 sebulan untuk Semenanjung, RM830 sebulan untuk Sarawak dan RM960 sebulan untuk Sabah. Ini bermakna, bilangan penerima bantuan meningkat dua kali ganda daripada 54,000 isi rumah kepada 110,000 isi rumah. Ini termasuk bilangan warga emas yang layak meningkat daripada 14,000 kepada 40,000 penerima. (Sumber Bernama). Begitu juga nasib sebahagian golongan yang berpendapatan rendah di pulau ini masih mendapat perhatian daripada pihak kerajaan dengan kelayakan menerima bantuan seperti bantuan kebajikan walaupun tidak secara keseluruhannya.

Merujuk di Kampung Pasir Panjang, Pulau Tinggi, sebelum berlakunya masalah ekonomi di kampung tersebut, masyarakat pulau mempunyai jaminan aktiviti kerja di mana terdapat banyak peluang pekerjaan diperoleh di pulau tersebut, kerana terdapat pusat peranginan dan penginapan mewah milik individu tertentu (Resort Nadia's Inn dan Tinggi Island Resort). Di pusat ini pelbagai kemudahan, perkhidmatan disediakan untuk para pelancong yang datang ke pulau tersebut seperti rumah penginapan, kolam mandi, pusat hiburan, restoran, tempat istirahat di pesisir pantai dan sebagainya.



Pandangan Pesisir Pantai Resort Nadia's Inn Di Kampung Pasir Panjang

ISU-ISU EKONOMI MASYARAKAT PULAU: KAJIAN AWAL DI PULAU SIBU DAN PULAU TINGGI,
MERSING, JOHOR DARUL TAKZIM



(a)



(b)

Keadaan Persekitaran Chalet di Kampung Pasir Panjang dan Tanjung Balang

Pusat peranginan pada mulanya telah dapat menjamin peluang pekerjaan dan ekonomi kepada masyarakat pulau. Ramai masyarakat pulau yang bekerja di pusat peranginan tersebut dan ini seterusnya dapat menjamin taraf kehidupan mereka untuk terus tinggal di pulau tersebut kerana memiliki sumber pendapatan tetap bulanan (anggaran RM40.00 hingga RM1000.00 sehari) Selain itu, keperluan aktiviti sosial masyarakat pulau juga sentiasa bergerak aktif dengan kehadiran para pelancong dan pengunjung. Antaranya termasuklah, aktiviti bersukan sama ada di darat atau air (berkayak, menyelam, menaiki bot, memancing), aktiviti mengembara ke dalam hutan pulau dan sebagainya.

Namun, kini setelah beberapa masalah yang belum dikenal pasti telah menyebabkan impian masyarakat pulau terpadam kerana hilang peluang pekerjaan disebabkan pusat peranginan tersebut ditutup tanpa diketahui sebabnya sekaligus menghilangkan sumber pendapatan masyarakat pulau tersebut. Terdapat juga langkah penyelesaian masalah tersebut diambil tetapi masih menemui jalan buntu kerana kami dimaklumkan bahawa ianya melibatkan individu tertentu yang masih belum diketahui statusnya dengan lebih mendalam. Penduduk pulau yang mendakwa, pusat peranginan tersebut adalah berstatus pemilikan individu daripada luar negara dan tidak kurang yang mendakwa ianya kepunyaan kerabat di raja negeri Johor Darul Takzim.

Hal ini, telah menyebabkan penghijrahan masyarakat pulau ke bandar (darat) bagi mencari peluang pekerjaan lain supaya dapat menjamin kelestarian kehidupan mereka. Perkara ini jugalah yang menyebabkan ramai masyarakat pulau telah berpindah tetap (bermastautin) ke bandar (darat) kerana tidak mampu menampung kos pengangkutan yang tinggi untuk pulang ke pulau setiap hari dan juga melibatkan faktor masa perjalanan yang panjang. Kesannya, di pulau tiada lagi tenaga-tenaga sumber manusia terutamanya golongan belia yang lebih gemar dan yakin untuk menetap di bandar berbanding di pulau kerana peluang pekerjaan yang terbuka luas di samping peluang aktiviti sosial yang lebih terbuka. Peluang pekerjaan yang lebih menjamin keadaan ekonomi mereka seperti di kilang-kilang pembuatan, pasaraya, kedai-kedai makan dan kedai-kedai serbaguna adalah antara tarikan utama golongan belia berhijrah ke bandar berhampiran seperti Bandar Mersing dan bermastautin di sana. Lantaran



Nadia's Inn Resort yang Terbiar Kesan daripada Sebab yang Tidak Diketahui

itu, hanya sebilangan kecil sahaja individu yang masih menetap di pulau dan ianya turut memberi kesan ke atas aktiviti sosial harian dan sosioekonomi di pulau tersebut. Kebanyakan golongan belia yang masih menetap di pulau hanya menjalankan aktiviti harian seperti biasa iaitu membantu ahli keluarga menangkap ikan, aktiviti membaiki bot, khidmat pemandu pelancong, bercucuk tanam dan menternak.

Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri, untuk memastikan masyarakat pulau mendapat pembelaan dan peluang kemudahan dan kehidupan yang sama rata dengan masyarakat daratan lainnya. Langkah-langkah tertentu perlu diperhebatkan lagi terutamanya daripada aspek pendidikan, peluang pekerjaan (ekonomi), kerohanian dan seumpamanya. Aduan-aduan yang dikemukakan perlu diambil tindakan segera dan diberi perhatian yang sewajarnya agar misi nasional untuk menjadikan negara ini sebagai miskin sifar berjaya dicapai dengan jayanya.

Cadangan dan Tindakan Penambahbaikan Aktiviti Ekonomi Masyarakat Pulau

Amir Hussin Baharuddin, Pembangunan dan Pertumbuhan Ekonomi (1990) '*Penghapusan kemiskinan dalam erti kata yang mutlak merupakan satu matlamat sosial yang besar dan mulia, tetapi ianya tidak mencukupi pada masa ini. Terdapat tekanan politik dan sosial yang kian meningkat untuk menjadikan usaha mengecilkan jurang tersebut sebagai matlamat pembangunan ekonomi. Dunia di mana orang kaya menjadi lebih cepat kaya daripada orang miskin tidak mungkin menjadi stabil dan aman dari segi politik. Walau bagaimanapun, mengurangkan jurang pendapatan bukanlah satu perkara yang mudah. Jumlah kadar pertumbuhan mungkin meningkat di negara-negara ini tetapi kadar pertumbuhan penduduk*

yang lebih cepat juga mungkin berlaku. Sementara itu, setelah negara maju memperoleh pengalaman yang lebih banyak dalam menghadapi masalah pengangguran, kadar pertumbuhan per kapita mungkin melebihi kadar yang lepas-lepas di negara ini. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa jika jurang pendapatan per kapita hendak dikecilkan di masa-masa akan datang, kedua-dua bantuan diri sendiri dan kerjasama antarabangsa perlu dipertingkatkan jauh lebih tinggi daripada yang terdapat di tahun-tahun yang lepas.'

Berdasarkan keterangan ringkas petikan di atas menunjukkan kestabilan aspek ekonomi bergantung kepada keadaan dunia. Walaupun di pinggir pulau, namun kesan tempias masih dirasakan oleh golongan masyarakat pulau ini. Tanpa adanya langkah yang sewajarnya dan tindakan segera akan menjadikan masyarakat pulau sentiasa dilanda masalah ekonomi yang besar.

Sumber manusia adalah antara faktor penting dalam menerajui dan membawa perubahan kepada keadaan yang lebih selesa dan bermakna. Oleh itu, tanpa tenaga belia dan sumber manusia yang benar-benar yakin dan mampu untuk menjalani kehidupan di kawasan pulau, maka sukarlah aspek pembangunan hendak dilaksanakan. Lantaran itu, peranan kerajaan seperti Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Sumber Manusia, perlu lebih peka dengan keadaan-keadaan tenaga manusia di kawasan luar bandar, terutamanya di kawasan pulau sebegini. Sebagai penghuni pulau yang serba kekurangan pendedahan dan kemudahan untuk bekerja atau menjana ekonomi hidup, tindakan wajar perlu diambil seperti membuat kajian keperluan tenaga belia dan tenaga sumber manusia yang masih menganggur dan tidak mempunyai pekerjaan tetap. Hasil daripada kajian sebegini, antaranya dapat membantu negara dalam mengurangkan pengambilan tenaga asing bagi mengisi kekosongan peluang-peluang pekerjaan di kota-kota besar mahupun di pinggir bandar.

Selain itu, pendedahan peluang-peluang menaik taraf ekonomi hidup penduduk pulau terutamanya golongan belia perlu diambil berat seperti memberi latihan (kemahiran dan pengetahuan), khidmat nasihat dan seumpamanya oleh pihak kementerian akan membuka minda penduduk pulau agar berfikir lebih terbuka. Lantaran itu, penduduk pulau tidak akan berasa terpinggir dan merasakan diri mereka mampu untuk melakukan perubahan demi kehidupan akan datang.

Pemerhatian yang dilakukan dalam konteks pertanian, didapati terdapat banyak hasil buah kelapa yang tidak dieksploitasi sepenuhnya. Walaupun di pulau-pulau tersebut harga bagi sebiji kelapa tidak semahal harga sebiji kelapa di kota Kuala Lumpur, namun sekiranya buah kelapa tersebut dijadikan bahan mentah untuk operasi industri kecil dan sederhana, serba sedikit akan memberi impak ke atas aktiviti sosioekonomi masyarakat pulau. Contohnya, dengan lambakan buah kelapa tersebut, sekiranya ada inisiatif untuk memperkembangkan hasil buah kelapa seperti memproses santan kelapa, menyediakan jus kelapa, dan sebagainya, pastinya dapat memperkembangkan lagi aktiviti ekonomi masyarakat pulau. Tempurung dan sabut kelapa pula boleh dijadikan bekalan bahan api kepada pihak-pihak luar yang memerlukan. Tetapi, disebabkan kurangnya perhatian daripada pihak kerajaan dan pihak penduduk masyarakat pulau sendiri telah menjadikan buah kelapa yang ada terbiar di sekitar pulau dengan angka bilangan semakin hari semakin meningkat.

Sewajarnya, pihak kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD) boleh mencadangkan untuk mendirikan kilang pemprosesan buah kelapa dan ini akan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk pulau dan seterusnya dapat menjana aktiviti sosioekonomi masyarakat pulau.

Begitu juga dengan lambakan haiwan peliharaan seperti lembu dan kambing. Kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, membolehkan pengurusan yang berkesan dapat dilaksanakan bagi membuahkan hasil yang baik terhadap penduduk pulau. Sebagai contoh, permintaan terhadap daging lembu tempatan boleh dipenuhi sekiranya masyarakat pulau bijak untuk menguruskan haiwan tersebut dan ini serba sedikit dapat menjamin aktiviti ekonomi masyarakat pulau. Pengkomersilan hasil daging lembu daripada pulau tersebut mampu terlaksana sekiranya aspek ini diberikan perhatian. Hasil daging boleh dibawa (dijual) di luar seperti kawasan bandar berhampiran dan mungkin dijadikan bahan dagangan (bahan eksport) ke luar daerah mahupun negeri dan sebagainya. Jelas di sini menunjukkan sumber pendapatan penduduk pulau akan lebih terjamin sekiranya peluang-peluang sebegini diambil berat dengan sewajarnya.

Lantaran daripada kegiatan industri pemprosesan hasil buah kelapa dan hasil daging ternakan tersebut akan memberi kesan ke atas aspek pelancongan di pulau tersebut. Pasti industri pelancongan semakin meningkat di mana masyarakat luar ingin melihat sendiri aktiviti sosioekonomi masyarakat pulau tersebut. Ditambah dengan bantuan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia dan Kerajaan Negeri Johor, pastinya hasil sumber ekonomi masyarakat pulau akan lebih meningkat dengan adanya peluang untuk berkhidmat kepada para pelancong yang berkunjung. Sebagai contoh dengan menyediakan perkhidmatan pengangkutan, penginapan dan sebagainya. Peluang pekerjaan kepada masyarakat akan lebih terjamin dan ini dapat membantu dalam peningkatan taraf hidup mereka.

Langkah pihak berwajib seperti pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk memberikan pendedahan dan pengajaran seperti latihan dan pendidikan kepada masyarakat pulau berkenaan aspek pembangunan ekonomi, tentunya mendapat sambutan dan menjadi peneraju dalam mendidik masyarakat pulau untuk menjadi lebih agresif dan kreatif dalam menjalani kehidupan di pulau-pulau yang jauh daripada masyarakat luar. Pendedahan potensi-potensi kegiatan ekonomi di pulau perlu diperkenalkan dan diberi dorongan berterusan dalam memastikan aktiviti ekonomi di pulau berjalan dengan lancar.

Selain itu, bagi golongan wanita pula, terdapat peluang untuk menghasilkan bahan-bahan cenderahati daripada pulau dan mungkin untuk dipasarkan seperti hasil kerja tangan (bakul anyaman, tikar anyaman, bahan cenderahati yang lain) boleh dipasarkan di kawasan bandar. Peranan Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan (KEKWA) yang melibatkan industri kraftangan dan adat kebudayaan masyarakat pulau penduduk tempatan perlu dilebarkan hingga ke pendalaman kawasan pulau ini untuk tujuan promosi kepada pihak luar dan seterusnya aspek pelancongan dapat dipertingkatkan. Selain itu, konsep industri kecil dan sederhana yang diwar-warkan oleh pihak kerajaan pasti tercapai dengan memberi peluang kepada masyarakat pulau untuk menjana aktiviti ekonomi mereka dengan aktiviti sedemikian.

Berbekalkan pendedahan kepada pihak berwajib dan pihak luar, tentunya masalah ekonomi yang membelenggu masyarakat pulau dapat dikurangkan dan seterusnya dapat menjana lebih aktiviti ekonomi yang menyumbang kepada sumber pendapatan mereka. Kerjasama dan usaha berterusan daripada semua pihak terlibat diharapkan dapat memberi jaminan kehidupan yang lebih baik kepada masyarakat pulau di samping kelestarian alam dapat dipelihara untuk generasi akan datang.

Rujukan

- Amir Hussin Baharudin. 1990. *Pembangunan dan Pertumbuhan Ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anuar Amir. 2006. Impak limpahan perbandaran ke atas kampung pinggir bandar di wilayah metropolitan. Kajian Doktor Falsafah, Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia.
- Dasar Ekonomi Baru, Garis Kemiskinan, Imbasan Ekonomi Malaysia. 2007. Laman Wikipedia Bahasa Melayu.
- Datuk Seri Anwar Ibrahim. 1996. *Agenda Ekonomi Malaysia: Gagasan Pembangunan*.
- Etzioni. 1992. *Demensi moral menuju ilmu ekonomi baru*. Remaja-Rosdakarya, Bandung. Indonesia.
- Faridah Abu Hassan, Naimah Ishak, Hamidah Yusof dan Habibah Abdul, Ishak Yusof, Nor Aini Idris dan Basri Abdul Talib. 2006. *Ekonomi Malaysia Ke arah Pascaindustri*. Penerbit UKM: Bangi.
- Jurnal Ekonomi Rakyat. Artikel Ekonomi Rakyat dan Reformasi Kebajikan. 2004
- Kajian status pembangunan pulau-pulau dan impaknya terhadap alam sekitar: kajian di Pulau Tioman.
- Kecemerlangan Pendidikan Akademik . Artikel Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kemiskinan dan Pendidikan: Perubahan Minda Orang Melayu Ke Arah Kertas kerja seminar pembangunan dan isu-isu global. Tajuk: Apakah yang dimaksudkan dengan pembangunan dan bagaimanakah hendak mewujudkan pembangunan yang adil dan berkekalan.
- Mohd Taib Hj. Dora. *Agihan Pembangunan: Teori dan Perlaksanaan*, 1993. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Muhammad Irewan Hanafi, Kemerosotan aktiviti perniagaan di Bandar Baru Luar Bandar: Kajian kes di Bandar Tenggara. 2007. Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia,
- Syafarina Saman. Keberkesanan program gerakan daya wawasan dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar. Kawasan kajian: Kampung Minyak Beku Batu Pahat, Johor. 2007. Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia.